

04/01/2003

Umno perlu bebaskan rakyat daripada `gerhana`

Khairuddin Mohd Zain

TAHUN 2003 menjadi tahun kehilangan buat umat Melayu. Tahun untuk orang Melayu dan umat Islam terpaksa menerima hakikat bahawa pemimpin yang disanjung akan menyerahkan bahtera pentadbirannya kepada seorang pembantu setia.

Kita akan kehilangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai `pemimpin-pentadbir` unggul.

Seorang pemimpin orang Melayu dan umat Islam yang tidak pernah gentar dengan sebarang ugutan dan tekanan, asalkan mempertahankan kebenaran.

Jasa Dr Mahathir Mohamad kepada Malaysia terlalu banyak untuk dihitung.

Tahun ini pastinya akan berlaku sedikit `penjajaran semula` kepada bentuk `kepemimpinan-kepengikutan` dalam Umno sebagai wadah unggul umat Melayu.

Cita-cita Dr Mahathir untuk mewariskan Umno yang padu dan kuat kepada Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi nampaknya akan berlaku seperti diinginkan. Kesetiaan warga Umno harus dijuruskan kepada parti dan bukannya individu.

Proses itu mestilah dilakukan dengan mengambil kira pasukan yang mampu meneruskan kesinambungan kekuatan Umno buat sekian lama.

Semolek-moleknya, jangan ada usaha perebutan kuasa yang mampu meletakkan masa depan bangsa dan negara.

Orang Melayu perlu lebih bijak dan berstrategik dalam menguruskan masalah politik `orang kita`. Politik orang Melayu mesti diuruskan secara cukup santun serta bermuhasabah dan bukannya dengan penuh dendam dan kesumat membara.

Umno akan meneruskan khidmat untuk agama, bangsa dan negara. Mungkin ada kelompok umat Melayu yang meragui dengan kesungguhan Umno, tetapi ini lebih kepada permasalahan persepsi.

Umno mendahulukan `asas yang baik` untuk melaksanakan hukum Allah, sementara kelompok yang satu lagi mengutamakan `label`.

Apalah gunanya mempunyai cerapan hukum hebat pada kertas, tetapi tidak mungkin dilaksanakan kerana kekurangan di sini sana.

Orang Melayu yang memberikan sokongan dan menjadi sebahagian daripada kepemimpinan Pas mesti berani menerima hakikat bahawa Umno terbukti menjadi `harakat perjuangan Islam` paling relevan dengan dunia kontemporari. Bukannya lagi gerakan Islam yang gemar menggunakan pelbagai istilah hukum yang memang mudah menarik sokongan, tetapi tidak membawa sebarang `nilai tambah` kepada kekuatan Islam secara keseluruhannya.

Umno sememangnya membawa kesan signifikan kepada pembangunan umat, tamadun dan perjuangan Islam.

Tuduhan yang mengatakan Umno sebagai mengamalkan harakat perjuangan nasionalisme sempit mempunyai `udang sebalik batu`.

Pimpinan Pas sedar bahawa dengan `label` sajalah yang mampu memberikan mereka kelebihan berdepan dengan UMNO.

Lalu berkumandang jeritan label dan retorik perjuangan yang mampu membuatkan penyokong mereka terpesona. Ini semua tidak lebih daripada usaha memperoleh kuasa. Tidak ada yang menjadi lebih `Islamik` dengan pentadbiran Pas kecuali perubahan kecil dan tidak signifikan dalam mengangkat martabat umat.

Selepas memperoleh kuasa, nampaknya pimpinan Pas juga manusia biasa.

Manusia yang mempunyai nafsu dan gagal mengekalkan kezuhudan yang selama ini menjadi cereka `perjuangan` Islam yang mereka bawa.

Mendahulukan kepentingan sendiri, tanpa menghiraukan kepayahan, keperitan dan kesusahan rakyat bukannya lambang 'pemerintahan Islam' yang adil dan saksama. Inilah yang dilakukan oleh pimpinan Pas. Apakah ini yang Pas perjuangkan?

Berbicara mengenai kenaikan gaji 'kalangan sendiri' 'berbanding' untuk 'rakyat' membayangkan sikap Pas yang tidak mengotakan janji.

Umno perlu membebaskan rakyat yang menghadapi 'gerhana' akibat perlakuan kerajaan Pas seperti ini. Inilah azam yang perlu Umno dan sekalian pendokongnya tekadkan dalam hati.

Orang Melayu mesti pantas mencelikkan mata dengan segala omongan kosong perjuangan Islam ala-Pas yang regresif dan tidak membangun umat.

Selagi ada pemikiran yang mengatakan 'biar kita miskin, kerana ini perjuangan Islam yang sebenar', selagi itulah ramai orang Melayu yang tertipu dengan dakyah politik seperti ini.

Usaha memerdekakan orang Melayu daripada mentaliti terjajah dan terpesong ini mesti dilakukan secara bersungguh-sungguh.

Umat Melayu sepatutnya tidak lagi ragu-ragu bahawa dalam situasi 'kongsi kuasa', Melayu yang terpecah belah tidak akan memberikan sedikit pun manfaat kepada kita.

Jika kita dilihat lemah dan mudah roboh, 'suara dan nasihat kita' juga mungkin ditolak mentah-mentah. Semua ini perlu kita perhalusi secara berhati-hati.

Ada ketika, orang Melayu perlu mengeneipkan 'faham politik', ketika mana hak dan kepentingan mereka disentuh.

Inilah di antara sikap yang perlu orang Melayu pertahankan.

KHAIRUDDIN MOHD ZAIN,
Wangsa Maju,
Kuala Lumpur.